



#### 19 Pakar Pertanian UPM Kongsi Kepakaran di Jeli



Dato' Mustapa Mohamed menerima cenderamata daripada Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

**SERDANG, 8 Jun** – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menghimpunkan seramai 19 pakar pertaniannya daripada pelbagai bidang pertanian sempena Hari Terbuka Bersama Pakar Pertanian UPM (HTBPP) di Jeli, Kelantan.

Pengarah projek tersebut, Prof. Dr. Musa Abu Hassan berkata pakar pertanian UPM yang terlibat berkongsi kepakaran dengan masyarakat ialah penerang dan penyelidik dalam bidang mineralogi tanah, toksikologi serangga, pemakanan haiwan, fisiologi tumbuhan dan akuakultur/pemakanan ikan.

"Pakar-pakar lain ialah anatomi dan sitogenetik, agronomi, kesuburan dan pengurusan tanah, agrobioteknologi, epikultur, pemasaran niagatani, pengurusan ladang, pemrosesan makanan, kesihatan ikan dan rekabentuk mesin makanan," katanya.

Beliau berkata program itu menawarkan forum, klinik, demonstrasi, pameran pertanian, program pengajian UPM dan bengkel industri asas tani yang memberi manfaat kepada petani, nelayan, penternak, pengusaha universiti, agensi pertanian dan masyarakat setempat, sesuai dengan slogan Dari Gedung Ilmu ke Lapangan.

Dr. Musa yang juga Timbalan Pengarah Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemejuaan Profesional (APEEC) UPM berkata program itu membuka peluang kumpulan sasar mengemukakan masalah kepada pakar UPM yang akan menjadikan masalah pertanian sebagai tumpuan penyelidikan.

"UPM dapat menyumbang kepakaran terus di lapangan pertanian, membantu agensi pertanian melalui diagnosis masalah secara bersama serta memperkenalkan hasil penemuan penyelidikan dan teknologi kepada usahawan tani," katanya.

Beliau berkata program khidmat masyarakat seumpama itu kali pertama dilancarkan pada 4 September 2007 di Batu Pahat Johor dan kali kedua di Pekan, Pahang pada 24 November tahun lalu untuk mendepani rakyat secara langsung bagi mengatasi masalah kehidupan menerusi pelbagai bidang usaha.

Katanya hari terbuka itu juga dibuat sempena pelancaran Pusat Urusan Sehenti Perkhidmatan dan Informasi Agro Tani (PUSPA Tani) MoA Incorporated, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang turut menjadi penganjur bersama kedua-dua program tersebut (PUSPA Tani dan HTBPP) dengan UPM.

Dr. Musa berkata melalui pusat tersebut (PUSPA Tani), semua agensi pertanian di bawah kementerian berkenaan berpejabat setempat bagi memudahkan masyarakat terutama petani mendapatkan maklumat, perkhidmatan dan bantuan.

"Pusat itu dilengkapi dengan kemudahan ICT dan segala maklumat relevan dengan keperluan setempat," katanya tentang kedua-dua program yang dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani merangkap ahli Parlimen Jeli, Dato' Mustapa Mohamed di sini hari ini.

Sementara itu Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata bahawa UPM bercadang untuk menubuhkan laboratri sosial yang menjadikan Jajahan Jeli sebagai kawasan angkat program pengembangan.

"Ia merupakan kawasan perkongsian pintar UPM, yang menyumbang terus kepada pembangunan ekonomi pertanian dan penduduk setempat serta turut menjadi model kepada pembangunan negara," katanya.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mustapa Mohamed dalam ucapan perasmianya berkata bahawa pembukaan PUSPA Tani di Jajahan Jeli merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia bertujuan untuk memajukan pertanian dan masyarakat setempat untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pelbagai maklumat berkaitan pertanian di sini.

"One Stop Centre' ini akan menjadi jambatan penghubung antara masyarakat setempat dengan jabatan dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dalam usaha menceburi sektor pertanian dan industri asas tani selaras dengan pertanian satu perniagaan," katanya lagi.

Selain APEEC, pihak daripada UPM yang membuat pameran ialah Fakulti Pertanian, Taman Pertanian Universiti, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Pusat Asasi Sains Pertanian dan Bahagian Akademik sementara demonstrasi yang dibuat ialah penanaman cendawan tiram dan beberapa mesin pemrosesan makanan.

Oleh Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat